

PENGURUSAN KUALITI KERJA-KERJA PEMBINAAN

ABDUL RAZALAN BIN HASSANUL BASRI

**Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Sains (Pembinaan)**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2011

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin Nya projek penyelidikan ini dapat disiapkan dengan sempurna. Berbekalkan semangat, keyakinan dan sikap tidak mudah putus asa, segala halangan dan rintangan berjaya ditempuh.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia tesis, Assoc. Prof. Dr. Fadhlin Abdullah di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar beliau, tidak mungkin tesis ini berjaya dilaksanakan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak responden yang sudi meluangkan masa untuk menjawab borang soal selidik demi menjayakan penyelidikan ini. Segala kerjasama dan bantuan yang diberikan amatlah bermanfaat. Tanpa pihak responden, tidak mungkin tesis ini akan berjaya.

Kepada insan-insan yang tercinta, ibu dan ayah yang telah banyak berkorban, mendoakan kejayaan dan memberikan yang terbaik kepada anaknya, adik-adik yang disayangi dan ahli keluarga yang lain, sokongan yang diberikan sangat dihargai.

Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan dan senior yang tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar, jutaan terima kasih. Selama tiga tahun kita bersama, pelbagai cabaran dan dugaan yang telah kita harungi bersama. Segala kenangan manis dan pahit tidak akan dilupakan. Diharap semua akan berjaya di dunia dan akhirat.

ABSTRAK

Kualiti merupakan salah satu perkara penting dalam pembinaan yang akan menjamin keberkesanan pembinaan tersebut. Pada hari ini, keperluan kualiti kerja-kerja pembinaan telah menjadi isu utama dan di pandang serius oleh semua pihak. Namun begitu, terdapat segelintir pihak yang memandang ringan aspek kualiti ini sehingga menyebabkan kegagalan dalam pembinaan tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, penilaian kualiti kerja-kerja pembinaan perlu dilaksanakan dalam menentukan tahap kualiti yang dikehendaki tercapai atau tidak. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengenalpasti kaedah penilaian kualiti kerja-kerja pembinaan serta mengenalpasti masalah-masalah dalam menentukan kualiti kerja-kerja pembinaan. Dalam mencapai kedua-dua objektif kajian ini, borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen perolehan data dan diedarkan melalui kiriman pos kepada responden iaitu pemaju hartanah dan perumahan di sekitar Johor Bahru. Hasil kajian mendapati terdapat 45% daripada responden menggunakan kaedah penilaian QLASSIC, 33% menggunakan kaedah penilaian CONQUAS dan 22% daripada responden menggunakan kaedah penilaian lain-lain dalam menentukan kualiti kerja-kerja pembinaan. Selain itu, beberapa masalah dalam menentukan kualiti kerja-kerja pembinaan dikenalpasti. Antara masalah tersebut ialah kawalan proses kerja yang lemah, kos pelaksanaan penilaian kualiti yang tinggi, prosedur kerja penilaian yang terlalu rumit, masa pelaksanaan penilaian yang terhad, kesukaran dalam memahami piawaian penilaian kualiti yang ditetapkan, sistem penilaian kualiti sedia ada yang lemah, keutamaan projek lebih kepada kepantasan dan kos yang rendah dan kurang kesedaran tentang kepentingan kualiti dalam kerja-kerja pembinaan oleh pemaju.

ABSTRACT

Quality is one of the important things in construction which would ensure the construction effectiveness. Today, quality requirement in construction works has become a key issue and taken seriously by all parties. However, there are parties that ignore this quality aspect causing failure in construction. To solve this problem, quality of construction works assessment need to be carried out in ascertaining that the required quality level is achieved. The objectives of this research are to identify construction works quality assessment methods and to identify problems in ascertaining the quality of construction works. Questionnaires have been used as the research instrument and distributed by via posts to respondents, namely property and housing developers around Johor Bahru. The survey results shows that 45% of the respondents use QLASSIC assessment method, 33% use CONQUAS assessment method and 22% of the respondents use other assessment methods to ascertain quality of construction works. Other than that, problems in ascertaining quality of construction works were identified. The problems include weak control of the working process, expensive quality assessment methods used, limited assessment execution time, difficulty in understanding quality assessment standards, weak present quality assessment systems, project priorities more on speed and low cost and less awareness on importance of quality in construction works by developer.